

TEKS UCAPAN

**PROFESOR DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PEREKA 2017
PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN REKACIPTA UMS

25 OKTOBER 2017 (RABU) | 3:00 PETANG
KOMPLEKS DEWAN KULIAH PUSAT KE-2, UMS

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih, saudara/saudari pengacara majlis.

Salutasi

Yang Berusaha, Profesor Dr. Shahril Yusof,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Yang Berusaha, Profesor Dr. Ismail Ali,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &
Alumni)

Yang Berusaha, Profesor Dr. Rasid Mail,
Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

Yang Berusaha, Encik No'man Datuk Hj. Ahmad,
Pendaftar Universiti

Yang Berusaha, Puan Zallifah Shadan,
Bendahari Universiti

Yang Berusaha, Puan Dyg. Rukiah Ag. Amit,
Ketua Pustakawan Universiti

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Lee Ping Chin,
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
merangkap Pengerusi Penganjur PEREKA 2017,

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua
Jabatan, para hakim pertandingan, para peserta
PEREKA 2017, sahabat media, seterusnya tuan-
tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, maka dapat kita bersama-sama berada di Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta ataupun lebih dikenali dengan singkatan PEREKA 2017.

2. Saya difahamkan, penganjuran PEREKA 2017 memasuki tahun ke-10 sejak tahun 2008 lagi. Penganjuran yang konsisten tanpa gagal ini merupakan petunjuk kepada para penyelidik bahawa pihak universiti amat menekankan budaya kecemerlangan penyelidikan dan inovasi sebagai salah satu bidang keberhasilan utama selaras dengan Pelan Strategik UMS 2013-2017,

UMS-KRA ke-2 iaitu Meningkatkan Kecemerlangan dalam Penyelidikan dan Inovasi.

3. Berkait dengan UMS-KRA ke-2 ini, salah satu daripada sasaran prestasi yang dimasukkan adalah 50 peratus kenaikan bilangan anugerah yang diperoleh dalam pameran dan pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sepertimana yang kita ketahui, pemenang dalam pertandingan PEREKA akan mewakili UMS ke pertandingan peringkat kebangsaan seterusnya ke peringkat antarabangsa pada tahun hadapan. Oleh hal yang demikian, pameran dan pertandingan sebegini amat signifikan dalam membantu melaksanakan UMS-KRA ke-2 ini.

Di samping itu, ia juga dapat melonjakkan nama UMS di persada antarabangsa dan sekali gus dapat meningkatkan pencapaian universiti dalam *Malaysia Research Assessment (MyRA)*, yang mana menjadi indikator tahap pencapaian universiti dalam bidang penyelidikan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

4. Dalam konteks sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, universiti bukan sahaja berperanan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti tetapi perlu juga berperanan untuk menghasilkan harta intelek yang bermutu tinggi melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Bersesuaian dengan objektif majlis kita pada petang ini, majlis ini diadakan untuk mempertandingkan hasil penyelidikan dan inovasi para penyelidik. Saya menyeru agar budaya penyelidikan dan inovasi terus diterapkan oleh seluruh warga universiti bagi memastikan UMS sentiasa menjadi rujukan dan dihormati di dalam dan di luar negara.

5. Justeru, dalam usaha untuk menyuburkan budaya penyelidikan dan inovasi, pengurusan universiti akan sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan penyelidikan yang terbaik. Selain dari menyediakan insentif penyelidikan, pengurusan universiti juga akan terus menyediakan kemudahan dana penyelidikan dalaman.

6. Tidak berhenti setakat itu sahaja, universiti juga telah meningkatkan jumlah insentif kepada pemenang dalam Anugerah Penyelidik UMS (APUMS) bermula tahun 2017 yang diadakan baru-baru ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

7. Bukan sahaja anugerah yang ingin dicapai, tetapi produk inovasi tersebut perlu juga berjaya dikomersialkan selepas pelbagai anugerah diraih. Untuk makluman, UMS telah memperuntukkan kira-kira RM300,000 setahun untuk pengurusan inovasi meliputi paten, *technology licensing*, *technology acquiring*, IPR, dan aktiviti-aktiviti pengkomersialan.

Seiring dengan itu, UMS juga memperuntukkan kira-kira RM200,000 setahun untuk Skim Geran Inovasi (SGI) yang telah membantu beberapa penyelidik menghasilkan prototaip penyelidikan untuk meyakinkan industri bahawa produk yang dihasilkan boleh dikomersialkan.

8. Saya turut berbangga dengan pencapaian para penyelidik yang menghasilkan penyelidikan yang bermutu seterusnya berjaya mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka. Sepertimana yang telah disebutkan oleh YBrsa. Profesor Dr. Shahril Yusof sebentar tadi, kita akan menyaksikan majlis menandatangani dua (2) kerjasama pengkomersialan perlesenan bagi *Eco-solar Dryer* yang telah dicipta oleh Dr. Jidon Janaun,

dengan sebuah syarikat tempatan iaitu Villaco Sdn. Bhd. dan juga kerjasama pengkomersialan perlesenan bagi pengkomersialan *Formulation of Fixing Agent for Textille* yang diformulasikan oleh Prof. Madya Dr. Coswald Sipaut @ Mohd Nazri dengan syarikat Denim Care Sdn. Bhd. Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka berdua.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

9. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima anugerah PEREKA 2017. Semoga usaha murni, sokongan dan kerjasama penyelidik universiti akan berterusan dan dapat berbakti kepada UMS.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada penganjur PEREKA 2017, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) atas kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan dalam merealisasikan pertandingan ini. Kekalkan semangat bekerja dalam satu pasukan dan terus bersatu untuk mempamerkan budaya kemerlangan UMS di mata negara dan dunia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta UMS (PEREKA) 2017.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.